Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : *03-88823333*
Telefaks : *03-88824224*
Telex : *FEDTRY MA 30242*
Laman Web : *www.treasury.gov.my*

KK/BPB/S(29.00)202/2-32 Jd. 8(3)

17 Disember 2009

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Semua Pegawai Pengawal,

Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN AMALAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Perbendaharaan telah mengeluarkan beberapa Pekeliling, Surat Pekeliling dan Surat Arahan yang menetapkan peraturan dan garis panduan bagi melaksanakan amalan perbelanjaan berhemat. Antara pekeliling yang berkaitan adalah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 9 Tahun 2008 serta Surat Arahan Perbendaharaan bertajuk Pengurusan Kewangan Secara Berhemah bertarikh 15 Julai 2009.

3. Pekeliling-pekeliling yang menyentuh pelaksanaan perbelanjaan secara berhemat antara lainnya menekankan supaya amalan pengurusan perbelanjaan dilaksanakan secara cermat, terkawal dan tidak berlebih-lebihan. Antara langkah pelaksanaan perbelanjaan berhemat yang perlu dipatuhi adalah mengelakkan penyusunan semula organisasi yang melibatkan pertambahan perjawatan atau penubuhan badan berkanun baru, menghadkan bilangan pegawai yang terlibat bagi perjalanan tugas rasmi ke luar negara, mengendalikan majlis dan upacara keraian secara sederhana dan dihadkan kepada yang benar-benar penting sahaja, menjimatkan penggunaan utiliti, bahan bakar serta bahan-bahan lain, mengawal perbelanjaan bagi tuntutan kerja lebih masa dan sebagainya. Untuk perhatian, langkah-langkah penjimatan dan pengurangan perbelanjaan awam tersebut adalah masih berkuat kuasa dan perlu dipatuhi sepenuhnya oleh semua kementerian/jabatan/agensi.

4. Selaras dengan hasrat mengurangkan perbelanjaan awam dan menekankan kepentingan amalan perbelanjaan secara berhemat, Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya melaksanakan dengan lebih tegas langkah-langkah penjimatan seperti berikut:

i. Menghentikan amalan menghidangkan makanan dan minuman secara berlebihan semasa persidangan/seminar/ pameran/mesyuarat/kursus/bengkel atau sebarang acara rasmi yang lain; dan

ii. Menghentikan pemberian *door gift* untuk sebarang upacara rasmi Kerajaan atau majlis keraian seperti majlis penganugerahan/perasmian/pelancaran/persidangan/makan malam/mesyuarat dan sebagainya.

5. Y.Bhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelaksanaan langkah-langkah perbelanjaan berhemat seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k.

Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Aras 4, Blok Timur
Bangunan Perdana Putera
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA